

26 JUL 1999

LID-MALAYSIA

PEMULIHAN EKONOMI M'SIA ADALAH BENAR, KATA PESERTA LID

Oleh: E. Sivabalan

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Ekonomi Malaysia kini benar-benar pulih, demikian para peserta Dialog Antarabangsa Langkawi keempat diberitahu hari ini.

Ketika memberi perhatian pada pengalaman Malaysia dalam mengendalikan krisis kewangan Asia dalam sesi tertutup yang pertama dialog tersebut, para peserta dialog itu bersetuju bahawa Malaysia telah berjaya menangani krisis tersebut.

Para peserta yang terdiri daripada beberapa ahli politik terkemuka dunia, pemimpin industri, ahli ekonomi dan cendekiawan yang mengutarakan hujah-hujah mereka disokong dengan fakta dan angka, berkata Malaysia mempunyai sistem pengurusan krisis yang berkesan.

"Kestabilan politik juga telah membantu Malaysia mengharungi krisis tersebut," kata Prof Madya Dr Zulkifli Senteri dari Kumpulan Pakar Kandungan, yang dibentuk bagi memantau dan memberi taklimat mengenai perjalanan LID hari ini.

Dr Zulkifli, pensyarah dari Universiti Putra Malaysia ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai sesi separuh pertama hari ini berkata bahawa para peserta berpendapat krisis tersebut yang bermula dua tahun lalu ada kaitannya dengan faktor-faktor dalaman dan luaran.

LID berlangsung selama empat hari bermula semalam. Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad telah menyampaikan ucaputamanya.

Dr Zulkifli berkata faktor dalaman berkaitan dengan "masalah korporat" yang kemudiannya dipengaruhi pula oleh faktor luaran, iaitu krisis matawang, dan pengaliran masuk banyak modal jangka pendek.

"Mereka berpendapat bahawa inisiatif kerajaan dalam mengendalikan krisis itu menerusi kawalan-kawalan fiskal dan kewangan telah membantu memulihkan ekonomi," katanya.

Dr Zulkifli berkata mereka mengakui bahawa pemulihan ekonomi adalah benar berdasarkan pada beberapa faktor termasuklah peningkatan dalam pengeluaran dan penggunaan tenaga.

Para peserta juga menekankan betapa pentingnya "formula yang dirumuskan di dalam negeri sendiri" bagi semua negara untuk menangani krisis itu seperti yang digunakan oleh Malaysia.

September tahun lalu, kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah kawalan tukaran asing berpilih-pilih untuk menebat ekonomi negara ini daripada kegawatan ekonomi selanjutnya.

Langkah-langkah itu termasuklah menetapkan ringgit pada kadar RM3.80 berbanding dolar AS bagi mengurangkan kesan kemudahruapan tukaran asing, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memapankan pemulihan ekonomi.

Turut juga diperkenalkan ialah moratorium selama setahun ke atas dana-dana yang dibawa pulang oleh pelabur-pelabur asing dari 1 Sept tahun lalu. Ini akan ditarik balik pada 1 Sept ini.

Langkah-langkah tersebut ternyata berkesan memulihkan ekonomi yang boleh dilihat daripada perangkaan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Misalnya, rizab asing Malaysia telah meningkat sebanyak 50 peratus daripada AS\$20 bilion kepada AS\$31 bilion dan mampu membiayai import tertangguh tujuh bulan, manakala lebihan dagangan antara Januari dan Mei tahun ini berjumlah RM28.2 bilion atau AS\$7.4 bilion.

-- BERNAMA

ES MA